

Sikap Guru-guru Agama Sekolah Rendah Agama Terhadap Profesion Perguruan: Satu Kajian di Sekolah-sekolah Jabatan Agama Islam Selangor

ARIFIN MAMAT¹

MUHAMAD ZAHIRI AWANG MAT²

NIK AHMAD HISHAM ISMAIL³

*Institut Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur.
drarifinmamat@gmail.com*

Abstrak Guru mempunyai peranan yang cukup besar dalam institusi pendidikan formal. Mereka berperanan menyampaikan ilmu, mendidik, membimbing dan memimpin pelajar menjadi individu yang baik serta mampu menghadapi cabaran dalam kehidupan. Proses pendidikan memerlukan guru mempunyai sikap yang jelas terhadap profesion mereka. Kajian ini bertujuan mengkaji sikap guru terhadap profesion keguruan dan dijalankan di beberapa buah Sekolah Rendah Agama (SRA), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ia melibatkan dua zon, iaitu Zon Tengah (Gombak) dan Zon Utara (Hulu Selangor). Seramai 452 orang guru agama yang bertugas di sekolah-sekolah tersebut telah dipilih sebagai sampel dengan menggunakan kaedah *convenience sampling*. Instrumen kajian adalah menggunakan borang soal selidik, manakala data-data yang diperoleh melalui kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan program *SPSS for Windows (Version 14.0)*. Seterusnya, analisis statistik deskriptif yang merangkumi peratus dan kekerapan telah digunakan untuk menganalisis data. Secara umumnya, berdasarkan dapatan yang diperoleh, majoriti daripada responden berpuas hati dengan ciri-ciri sikap guru agama yang mengajar di SRA-JAIS. Guru-guru sekolah rendah agama memiliki ciri-ciri sikap guru yang positif dan sesuai dengan bidang perguruan. Namun demikian, kajian ini juga menunjukkan beberapa dapatan yang agak negatif terhadap beberapa item yang dikemukakan seperti guru-guru tidak menepati waktu dan tidak bersedia untuk berkhidmat di luar waktu tugas rasmi.

Kata Kunci: Sikap guru, profesion perguruan, pendidikan Islam, sekolah rendah agama, guru JAIS.

Abstract Teachers play a great role in formal education. They are responsible to disseminate knowledge, educate and produce students who are able to face any challenges in their life. Certainly, educational process requires teachers

who realize their main responsibilities and have positive attitudes towards teaching profession. Therefore, this study attempts to investigate teacher's attitudes towards teaching profession. A convenience sample consists of 452 Islamic primary school teachers in two zones of Selangor (Center-Gombak) and (North-Hulu Selangor) was selected. The study employs a survey method, where a set of questionnaire was developed to gather the data. A simple descriptive statistical analysis was used to provide meanings to the data. It includes percentages, frequencies and means. Finding of the study shows that respondents have positive perceptions towards teachers at Islamic primary schools under the Department of Islamic Affairs of Selangor. The study also reveals that teachers have positive attitudes towards their professions. Thus, they are suitable to work in this field. However, some negative findings are also found, such as teachers do not attend the class on time and they are not willing to work outside official hours stipulated.

Keywords: *Teacher's attitude, teaching profession, Islamic Education, Islamic primary schools, teachers of Islamic Affairs Department of Selangor.*

PENGENALAN

Mengajar dan mendidik merupakan antara tugas yang amat penting dan mulia di dalam Islam (Al-Ghazali, 1990). Tugas tersebut merupakan kesinambungan tugas Rasulullah SAW (al-Jumua'ah: 2). Dalam bidang pendidikan, guru bertanggungjawab sepenuhnya dalam proses mendidik kerana mereka menjadi agen perubahan paling berkesan melalui proses pengajaran dan pembelajaran secara rasmi di dalam kelas (Hasan Langgulung, 2000). Peranan guru sebenarnya merangkumi proses mendidik, membimbing dan memimpin pelajar menjadi individu Muslim yang syumul serta mampu menghadapi cabaran arus kemoneteraan dan globalisasi (Al-Attas, 1979: 1999).

Bererti, proses menyalurkan ilmu kepada pelajar memerlukan bimbingan dan kepimpinan guru secara profesional. Justeru, profesionalisme keguruan menjadi asas untuk meningkatkan kualiti guru dalam menjalankan tugas mereka secara efisien dan progresif. Ia secara langsung menjana dan menghasilkan mutu pendidikan yang lebih efektif dan membentuk insan yang harmonis dan dinamik dalam hubungannya dengan Allah SWT dan alam.

Secara literal, Kamus Dewan (1996) menjelaskan bahawa profesionalisme bermaksud “sifat-sifat (kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu dan lain-lain) sebagaimana yang sewajarnya terdapat pada atau dilakukan oleh seorang profesional.” Sikap pula adalah “perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pada sesuatu pendapat sama ada buah fikiran dan lain-lain” (*Kamus Dewan*, 1996).

Laporan Affrizal Ahmad (2008) menunjukkan profesionalisme guru mempunyai kaitan yang rapat dengan pembentukan kualiti hidup sejahtera pelajar selain mempunyai hubung kait dengan kecemerlangan diri. Kajian menunjukkan guru agama yang profesional adalah mereka yang mementingkan kecemerlangan dalam menjalankan tugas (Kamarul Azmi Jasmi *et al.*, 2009). Dapatan kajian tersebut menunjukkan sifat amanah dan ikhlas sebagai dua sifat paling utama yang perlu ada pada guru dalam menjalankan hubungannya dengan Allah dan sesama manusia. Seorang guru perlu memiliki sifat amanah kerana ia merupakan ciri orang bertakwa. Antara amalan harian berasaskan sifat amanah ialah tidak mencuri masa semasa menjalankan tugas sebagai seorang pendidik. Guru juga mesti bersifat ikhlas, dengan tidak mengharapkan balasan melainkan sebuah kejayaan yang dikecapi oleh anak didiknya. Seorang guru harus terlebih dahulu mengutamakan kejayaan tersebut.

MASALAH KAJIAN

Kajian lepas mendapati ramai pendidik termasuk guru mata pelajaran Pendidikan Islam pada hari ini yang tidak mampu menjadikan diri mereka sebagai contoh atau ‘role model’ kepada pelajar. Malah, ada pendidik yang tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni ke dalam diri para pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran mereka (Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail, 2002). Kesannya, subjek Pendidikan Islam kurang berjaya dihayati dalam kehidupan. Kelemahan pendidik dalam menyalurkan nilai murni dan sifat mahmudah dalam diri para pelajar telah menjadi faktor kepada krisis akhlak dan disiplin pelajar yang semakin merunsingkan (Ab. Halim Tamuri; 2000, 2004). Kajian Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail (2002) juga menunjukkan krisis pemahaman dan tingkah laku berakhlak masih berlaku dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan sekitar 29.7 peratus pelajar masih mempunyai salah tanggapan terhadap konsep akhlak. Kajian

tersebut juga mendapati krisis akhlak pelajar yang berlaku berkait rapat dengan sikap yang ditunjukkan oleh guru. Bermaksud, sikap guru yang ditampilkan dapat mempengaruhi pembentukan peribadi pelajar.

Secara rasionalnya, guru Pendidikan Islam perlu bersikap positif terhadap tugas, bertingkah laku dan berpersonaliti lebih baik daripada guru-guru bidang lain (Halstead, 1995; Ab. Halim Tamuri, 2007). Hal ini demikian kerana perwatakan dan penampilan mereka sentiasa menjadi perhatian dan dinilai oleh rakan sejawatan, para pelajar dan masyarakat sekeliling. Secara tidak disedari para pelajar akan terpengaruh dengan perwatakan guru Pendidikan Islam. Masyarakat juga sering kali menjadikan profesionalisme guru Pendidikan Islam sebagai bahan rujukan, panduan dan ikutan (Ahmad Marzuki & Nik A. Hisham, 2010).

Sikap memainkan peranan penting dalam menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran. Sikap merupakan tindak balas tingkah laku yang didorong oleh pemikiran yang diterjemahkan dalam bentuk tindakan seseorang. Gabel dan Rubba (1979) mendapati sikap negatif atau neutral guru terhadap sains akan memberi kesan terhadap murid. Hal ini boleh difahami menerusi sikap pelajar terhadap pelajaran berkait rapat dengan sikap guru itu sendiri. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sikap diri guru-guru agama terhadap profesion mereka sebagai pendidik.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan mengenal pasti sikap guru-guru agama sebagai pendidik. Ia juga bertujuan untuk memberikan cadangan dan input ke arah pembinaan Indeks Profesionalisme Guru (IPG) supaya ia boleh digunakan untuk menilai tenaga pengajar di sekolah-sekolah rendah agama. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Apakah demografi guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah rendah agama (SRA) kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)?
2. Apakah sikap yang terdapat pada diri guru agama yang menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik?
3. Apakah cadangan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme guru-guru agama di sekolah-sekolah rendah agama?

KEPENTINGAN KAJIAN DAN BATASAN KAJIAN

Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan atau asas kepada pihak pengurusan sekolah-sekolah rendah agama negeri dan Bahagian Pendidikan Islam secara khusus dalam merangka, membina dan melaksanakan peraturan dan kursus-kursus yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung selaras dengan peningkatan mutu guru agama di sekolah-sekolah rendah agama pada masa hadapan. Kajian ini dapat mengenal pasti beberapa kekuatan, kelemahan dan kaedah peningkatan mutu amalan profesionalisme guru agama di sekolah-sekolah rendah agama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Bagaimanapun, kajian ini terbatas kepada guru-guru agama yang mengajar di sekolah-sekolah rendah agama, kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (SRA-JAIS) di dua zon sahaja, iaitu Zon Tengah (Gombak) dan Utara (Hulu Selangor).

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah satu bentuk tinjauan (*survey*) yang bertujuan untuk mengkaji sikap guru-guru agama di sekolah-sekolah rendah agama.

Populasi dan Sampel

Populasi kajian ini melibatkan seramai 754 orang guru agama yang mengajar di 31 buah sekolah SRA-JAIS. Kajian ini dijalankan di dua zon, iaitu Zon Tengah (Gombak) dan Utara (Hulu Selangor). Sampel kajian ini terdiri daripada seramai 452 orang guru agama SRA-JAIS. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*convenience sampling*). Pensampelan ini merujuk kepada kaedah pemilihan sampel yang diambil mengikut keselesaan kumpulan penyelidik. Hal ini demikian kerana para penyelidik mempunyai kemudahan untuk mendapatkan kebenaran pihak JAIS dan keizinan para pengetua sekolah selaku pentadbir untuk menjalankan kajian ini. Pengetua memberi kerjasama dan membantu kumpulan penyelidik memperoleh persetujuan dan kebersediaan para guru JAIS untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Walaupun kajian ini tidak memberikan kebarangkalian yang sama kepada para guru untuk terpilih sebagai sampel, persoalan-persoalan kajian ini tetap dapat terjawab dengan maklum balas bermanfaat daripada mereka (Creswell, 2008).

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Ia telah dibina sendiri oleh penyelidik. Proses membina borang soal selidik tersebut telah dimulakan dengan penglibatan seramai tiga orang pegawai di Bahagian Pendidikan Islam JAIS menerusi beberapa temu bual berasingan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Borang soal selidik tersebut telah diperakui oleh pakar dalam bidang Pendidikan Islam dan Psikologi dan diuji melalui kajian rintis (*pilot study*). Soal selidik juga telah diuji melalui satu kajian rintis (*pilot study*) melibatkan 40 orang guru Sekolah Rendah Agama JAIS di daerah Gombak. Sekolah yang dipilih untuk kajian rintis merupakan sekolah rendah agama di bawah kelolaan JAIS. Kajian mendapati kebolehpercayaan instrumen berdasarkan nilai Cronbach Alpha adalah .97. Nilai ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan instrumen tersebut adalah memuaskan (Bland & Altman, 1986). Borang soal selidik ini mengandungi 27 item. Lima Skala Likert telah digunakan iaitu: 1) Sangat Tidak Setuju, 2) Tidak Setuju, 3) Kurang Setuju, 4) Setuju dan 5) Sangat Setuju.

Analisis Data

Data-data yang diperoleh melalui kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan program *SPSS for Windows (Version 14.0)*. Analisis deskriptif seperti kekerapan, peratus dan skor min telah digunakan untuk tujuan analisis data, terutamanya yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan juga persepsi sampel, atau anggapan mereka terhadap item-item yang dikemukakan. Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 1 Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah/Tidak Sesuai
2.34 hingga 3.66	Sederhana/Agak Sesuai
3.67 hingga 5.00	Tinggi/Sesuai

Prosedur Pengumpulan Data

Penyelidik mengemukakan permohonan kebenaran menjalankan penyelidikan kepada Bahagian Pendidikan Islam, JAIS dan Pegawai Agama Islam Daerah untuk mengedarkan borang soal selidik. Setelah mendapat kebenaran daripada kedua-dua pihak berkenaan, penyelidik telah menulis surat dan menghubungi pihak sekolah yang terpilih melalui telefon dan faks. Kumpulan penyelidik telah mengadakan temu janji dengan pihak sekolah untuk melaksanakan kajian ini di sekolah mereka. Kumpulan penyelidik juga telah menerangkan tujuan, objektif dan kepentingan kajian ini dijalankan kepada pihak pentadbir sekolah. Setelah mendapat kebenaran, penyelidik mengumpulkan guru-guru yang menjadi responden kajian di bilik guru atau di dewan yang sesuai.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan Demografi dan Analisis

Berikut adalah data demografi responden yang merangkumi daerah responden, jantina, umur, kelayakan akademik, kelulusan ikhtisas, pengalaman mengajar dan penyertaan mereka dalam latihan kaedah pengajaran.

JADUAL 2 Taburan guru mengikut daerah

Daerah	Bilangan Guru	Peratusan
Gombak	181	40.0
Hulu Selangor	271	60.0
Jumlah	452	100

Jadual 2 menunjukkan taburan guru SRA-JAIS yang terlibat dengan kajian ini mengikut daerah. Didapati bahawa 60.0 peratus (n=271) adalah responden dari kawasan Hulu Selangor (Zon Utara), manakala 40.0 peratus (n=181) pula adalah responden dari kawasan Gombak (Zon Tengah).

JADUAL 3 Taburan guru mengikut jantina dan umur

Jantina	Kekerapan
Lelaki	57
Perempuan	395
Jumlah	452
Umur	Kekerapan
Kurang dari 25	72
Antara 25-35	184
Antara 36-45	137
Lebih dari 45	59
Jumlah	452

Jadual 3 menunjukkan bahawa 87.4 peratus (n=395) daripada responden adalah perempuan, manakala 12.6 peratus (n=57) daripada responden adalah lelaki. Sementara itu, majoriti responden berada dalam usia muda, iaitu antara 25-35 tahun (40.7 peratus (n=184) dan 36-45 tahun (30.3 peratus (n=137)).

JADUAL 4 Taburan guru mengikut kelayakan akademik

Kelayakan Akademik	Kekerapan	Peratusan
Sarjana (MA)	2	.4
Sarjana Muda (BA)	26	5.8
Diploma	123	27.2
Sijil	197	43.6
Lain-lain	104	23.0
Jumlah	452	100

Jadual 4 menunjukkan kebanyakan responden mempunyai kelayakan peringkat sijil, diploma dan lain-lain kelayakan akademik. Bagi lain-lain kelayakan akademik, terdapat sebilangan guru yang menyatakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai kelayakan tertinggi mereka.

JADUAL 5 Taburan guru mengikut kelulusan ikhtisas

Ikhtisas	Kekerapan	Peratusan
Tiada	328	72.6
Diploma- lepasan IPTA	14	3.1
Diploma- lepasan IPTS	24	5.3
Diploma- lepasan maktab	37	8.2
Sijil perguruan	25	5.5
Lain-lain	23	5.1
Jumlah	452	100

Jadual 5 menunjukkan majoriti responden (72.6 peratus (n=328)) tidak mempunyai kelayakan ikhtisas. Hal ini mungkin disebabkan kerana mereka menganggap bahawa berkhidmat di sekolah tersebut hanya untuk sementara.

JADUAL 6 Taburan guru mengikut pengalaman mengajar

Pengalaman Mengajar (Tahun)	Kekerapan	Peratusan
31-35	1	.2
26-30	9	2.0
21-25	41	9.1
16-20	67	14.8
11-15	66	14.6
6-10	99	21.9
1-5	150	33.2
Kurang 1 thn	19	4.2
Jumlah	452	100

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut julat pengalaman mengajar responden. Jadual ini menunjukkan peratusan tertinggi 33.2 (n=150) sebagai peratusan tertinggi iaitu sebanyak 33.2 (n=150). Ia mewakili peratusan pengalaman mengajar responden antara tempoh satu hingga lima tahun.

JADUAL 7 Taburan guru yang pernah menyertai latihan kaedah pengajaran

Menyertai Latihan Kaedah Pengajaran		
Status	Kekerapan	Peratus
Ya	393	86.9
Tidak	59	13.1
Jumlah	452	100.00

Jadual 7 menunjukkan taburan responden yang pernah menghadiri latihan kaedah pengajaran. Jadual di atas memberi gambaran bahawa guru-guru SRA-JAIS telah menerima pendedahan latihan kaedah pengajaran. Hal ini dapat dirujuk menerusi peratusan responden yang pernah menghadiri latihan kaedah pengajaran, iaitu sebanyak 86.9 peratus (n=393). Hanya 13.1 peratus (n=59) responden sahaja yang tidak pernah menghadiri latihan kaedah pengajaran.

Dapatan dan Analisis Kajian Berdasarkan Kekerapan dan Peratus

Berikut merupakan laporan dapatan kuantitatif berkaitan tahap anggapan para responden, daripada sangat tidak setuju sehingga sangat setuju terhadap pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan sikap diri guru agama di sekolah-sekolah rendah agama.

JADUAL 8 Taburan dapatan kajian dan skor min

Bil	Pernyataan	STS Kekerapan (%)	TS Kekerapan (%)	KS Kekerapan (%)	S Kekerapan (%)	SS Kekerapan (%)	Jumlah (%)	MIN
B1	menjalankan tugas dengan bertanggungjawab	2 (.4%)	6 (1.3%)	50 (11.1%)	267 (59.1%)	127 (28.1%)	452 (100.0%)	4.13
B2	menggunakan waktu bekerja demi kepentingan tugas	5 (1.1%)	8 (1.8%)	47 (10.4%)	277 (61.3%)	115 (25.4%)	452 (100.0%)	4.08
B3	menepati waktu	4 (.9%)	10 (2.2%)	94 (20.8%)	238 (52.7%)	106 (23.5%)	452 (100.0%)	3.96
B4	jujur menjalankan tugas	1 (.2%)	2 (.4%)	46 (10.2%)	278 (61.5%)	125 (27.7%)	452 (100.0%)	4.16
B5	memberi sumbangan dengan rela hati	-	9 (2.0%)	58 (12.8%)	275 (60.8%)	110 (24.3%)	452 (100.0%)	4.08
B6	mengutamakan kesempurnaan dalam menjalankan tugas	1 (.2%)	5 (1.1%)	50 (11.1%)	283 (62.6%)	113 (25.0%)	452 (100.0%)	4.11
B7	menganggap tugas sebagai ibadah	3 (.7%)	4 (.9%)	34 (7.5%)	201 (44.5%)	210 (46.5%)	452 (100.0%)	4.35
B8	seorang yang mudah didekati	2 (.4%)	5 (1.1%)	32 (7.1%)	261 (57.7%)	152 (33.6%)	452 (100.0%)	4.23
B9	mempunyai sifat penyayang	2 (.4%)	1 (.2%)	27 (6.0%)	259 (57.3%)	163 (36.1%)	452 (100.0%)	4.28

Bil	Pernyataan	STS Kekerapan (%)	TS Kekerapan (%)	KS Kekerapan (%)	S Kekerapan (%)	SS Kekerapan (%)	Jumlah (%)	MIN
B10	prihatin menyelesaikan masalah murid	2 (.4%)	4 (.9%)	30 (6.6%)	281 (62.2%)	135 (29.9%)	452 (100.0%)	4.20
B11	prihatin dengan masa depan pendidikan murid	2 (.4%)	4 (.9%)	29 (6.4%)	249 (55.1%)	168 (37.2%)	452 (100.0%)	4.28
B12	prihatin dengan kebajikan murid	-	5 (1.1%)	27 (6.0%)	274 (60.6%)	146 (32.3%)	452 (100.0%)	4.24
B13	bersedia mendengar masalah murid secara terbuka	1 (.2%)	6 (1.3%)	38 (8.4%)	275 (60.8%)	132 (29.2%)	452 (100.0%)	4.17
B14	prihatin mendengar masalah murid	2 (.4%)	6 (1.3%)	35 (7.7%)	286 (63.3%)	123 (27.2%)	452 (100.0%)	4.15
B15	cekal menghadapi cabaran dalam mendidik	1 (.2%)	4 (.9%)	39 (8.6%)	268 (59.3%)	140 (31.0%)	452 (100.0%)	4.20
B16	mampu mengawal perasaan ketika menyelesaikan masalah murid	1 (.2%)	3 (.7%)	58 (12.8%)	288 (63.7%)	102 (22.6%)	452 (100.0%)	4.08
B17	menjaga tutur kata	1 (.2%)	7 (1.5%)	63 (13.9%)	261 (57.7%)	120 (26.5%)	452 (100.0%)	4.09
B18	menjaga tingkah laku	2 (.4%)	3 (.7%)	44 (9.7%)	267 (59.1%)	136 (30.1%)	452 (100.0%)	4.18
B19	mempamerkan perwatakan ceria	1 (.2%)	2 (.4%)	26 (5.8%)	288 (63.7%)	135 (29.9%)	452 (100.0%)	4.23
B20	mengamalkan hidup sihat tanpa merokok	2 (.4%)	4 (.9%)	42 (9.3%)	177 (39.2%)	227 (50.2%)	452 (100.0%)	4.38
B21	bertolak ansur dalam membuat keputusan	1 (.2%)	2 (.4%)	45 (10.0%)	276 (61.1%)	128 (28.3%)	452 (100.0%)	4.17
B22	tidak mementingkan diri sendiri	2 (.4%)	2 (.4%)	52 (11.5%)	262 (58.0%)	134 (29.6%)	452 (100.0%)	4.16
B23	menyampaikan maklumat dengan tepat	2 (.4%)	3 (.7%)	51 (11.3%)	285 (63.1%)	111 (24.6%)	452 (100.0%)	4.11
B24	menyedari kekuatan diri	-	3 (.7%)	54 (11.9%)	318 (70.4%)	77 (17.0%)	452 (100.0%)	4.04
B25	memuhasabah diri dengan penambahbaikan	1 (.2%)	5 (1.1%)	60 (13.3%)	270 (59.7%)	116 (25.7%)	452 (100.0%)	4.10
B26	boleh menjadi contoh teladan	1 (.2%)	3 (.7%)	84 (18.6%)	285 (63.1%)	79 (17.5%)	452 (100.0%)	3.97
B27	sedia berkhidmat di luar waktu tugas rasmi	5 (1.1%)	9 (2.0%)	92 (20.4%)	263 (58.2%)	83 (18.4%)	452 (100.0%)	3.91
MIN KESELURUHAN								4.149

Jadual 8 menunjukkan responden mempunyai anggapan yang baik terhadap para guru SRA-JAIS dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Dengan jumlah peratusan yang tinggi hasil campuran status sangat setuju dan setuju (87.2 peratus), para guru dilihat telah menjalankan

amanah dengan penuh tanggungjawab, yang berkemungkinan merupakan hasil daripada pemahaman mereka akan tugas seorang guru. Peratusan yang tinggi juga (61.3 peratus (n=277) dan 25.4 peratus (n=115) masing-masing setuju dan sangat setuju bahawa guru-guru sekolah mereka menggunakan waktu bekerja demi kepentingan tugas. Tentang aspek menepati waktu semasa menjalankan tugas, Jadual 8 menunjukkan bahawa sejumlah besar responden, iaitu 76.2 peratus (n=344) adalah positif dalam menilai perkara ini. Hanya 23.9 peratus (n=108) responden yang beranggapan sebaliknya. Namun begitu, jumlah 23.9 peratus tersebut masih perlu diberi perhatian, memandangkan amalan menepati waktu itu sangat penting diamalkan oleh para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Apatah lagi waktu yang diberikan bagi sesuatu mata pelajaran adalah terhad.

Berkenaan tahap kejujuran pula, didapati majoriti responden, iaitu 89.2 peratus (n=403), menyatakan guru-guru agama adalah jujur dalam menjalankan tugas sebagai pendidik. Dapatan yang sama juga diperoleh tentang sejauh mana guru-guru memberikan sumbangan dengan rela hati. Sejumlah besar responden, iaitu 85.1 peratus (n=385) memberi respons positif. Guru-guru juga mengutamakan kesempurnaan dalam menjalankan tugas (87.6 peratus (n=396)). Menariknya, 9.1 peratus dalam kalangan guru yang tidak menganggap tugas mereka adalah ibadah. Walaupun jumlah ini kecil, maklum balas ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak kerana ia melibatkan kefahaman guru agama terhadap konsep ibadah.

Jadual 8 juga menunjukkan bahawa sejumlah besar responden, iaitu 93.4 peratus (n=422) menganggap guru-guru sekolah mereka bersikap penyayang. Dapatan ini menunjukkan bahawa para responden menyedari akan sifat penyayang yang ada pada guru-guru agama secara tidak langsung turut menunjukkan kesedaran mereka akan kepentingan bagi seorang pendidik untuk bersifat penyayang. Ia bersesuaian dengan tanggapan mereka bahawa guru-guru bersikap prihatin dalam menyelesaikan masalah pelajar (92.1 peratus (n=416)).

Guru juga didapati prihatin dengan masa depan pendidikan murid (92.3 peratus (n=417)). Ia selari dengan sikap guru yang didapati prihatin dengan kebajikan murid (92.9 peratus (n=420)). Tiada responden yang menunjukkan status sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Hal ini menunjukkan tidak ada antara guru yang berpandangan sangat negatif. Oleh

itu, data juga menunjukkan majoriti responden (90 peratus berpandangan guru sekolah mereka bersedia mendengar masalah murid secara terbuka dan hal ini merupakan satu sikap yang amat positif. Para guru bukan sahaja bersedia mendengar masalah murid. Bahkan, mereka juga prihatin terhadap masalah tersebut. Data menunjukkan 63.3 peratus (n=286) dan 27.2 peratus (n=123) responden masing-masing setuju dan sangat setuju bahawa guru-guru sekolah mereka bersikap sedemikian. Dalam masa yang sama, guru-guru juga didapati cecak (90.3 peratus (n=408) dalam menghadapi cabaran sebagai pendidik dan mampu mengawal perasaan ketika menyelesaikan masalah murid (86.3 peratus, n=390).

Jadual 8 juga menunjukkan sejumlah besar responden, iaitu 84.2 peratus (n=381) menganggap guru-guru menjaga tutur kata ketika bergaul. Tutur kata yang baik dan beradab amat penting bagi seorang guru, lebih-lebih lagi apabila guru sentiasa menjadi ikutan pelajar. Sementara itu, 89.2 peratus (n=403) menganggap guru-guru menjaga tingkah laku masing-masing. Nilai positif ini selaras dengan kepentingan menjaga tutur kata dan tingkah laku sebagai asas ikutan pelajar di sekolah. Mereka juga didapati mempamerkan perwatakan ceria, iaitu 63.7 peratus responden setuju (n=288) dan 29.9 peratus responden sangat setuju (n=135). Guru juga mengamalkan gaya hidup sihat dengan tidak merokok (39.2 peratus (n=177) dan 50.2 peratus (n=227) responden masing-masing setuju dan sangat setuju.

Berkenaan dengan sifat bertolak ansur guru-guru dalam membuat keputusan pula, Jadual 8 menunjukkan bahawa sejumlah besar responden, iaitu 89.4 peratus (n=404) positif terhadap pernyataan ini. Hanya sejumlah 10.6 peratus (n=48) responden yang bersikap sebaliknya. Dapatan daripada Jadual 8 juga menunjukkan bahawa kebanyakan guru (87.6 peratus (n=396) mengamalkan amalan bekerjasama semasa menjalankan tugas dan aktiviti lain.

Berhubung dengan ketepatan menyampaikan maklumat sejumlah besar responden, iaitu 87.7 peratus (n=396) berpendirian positif terhadap pernyataan ini. Sementara itu, sebanyak .4 peratus (n=2) responden pula sangat tidak setuju, .7 peratus (n=3) tidak setuju dan 11.3 peratus (n=51) kurang setuju akan pernyataan berkenaan. Hal ini menunjukkan hanya sebilangan kecil responden yang berpendirian negatif terhadap pernyataan tersebut. Walaupun jumlahnya kecil, ia mungkin boleh memberikan

kesan negatif kepada murid. Selain berkemungkinan menyebabkan kekeliruan, ia turut berkemungkinan menimbulkan fitnah. Para responden juga menganggap para guru mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang baik terhadap kekuatan dan kelemahan yang ada pada diri mereka (87.4 peratus (n=395)). Hal ini mungkin kesan daripada sikap guru yang majoritinya (85.4 peratus (n=386)) melakukan muhasabah diri mereka dengan tujuan penambahbaikan.

Jadual 8 menunjukkan bahawa 80.6 peratus (n=364) responden menganggap guru-guru sekolah mereka boleh dijadikan contoh teladan kepada murid. Namun demikian, jika dibandingkan dengan dapatan-dapatan lain sebelumnya, jumlah peratusan bagi pandangan positif para responden terhadap pernyataan ini didapati agak rendah, iaitu 80.6 peratus sahaja. Hal ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan para responden untuk melihat dan mengukur pengertian contoh teladan tersebut daripada pelbagai aspek, iaitu diri, akhlak, tingkah laku, tutur kata dan lain-lain, dan tidak hanya tertumpu pada aspek tertentu.

Bagi aspek kesediaan guru-guru untuk berkhidmat di luar waktu tugas rasmi, Jadual 8 menunjukkan 76.6 peratus (n=346) menunjukkan respons positif terhadap pernyataan ini. Sementara itu, peratusan yang agak tinggi juga iaitu 23.5 peratus, n=106 adalah sebaliknya. Terdapat kemungkinan yang menyebabkan sejumlah 23.5 peratus responden beranggapan bahawa para guru mempunyai kesukaran untuk berkhidmat di luar waktu tugas rasmi sekolah. Ia mungkin merujuk kepada bebanan tanggungjawab lain yang telah sedia ada, selain tanggungjawab mengajar yang dipikul oleh rata-rata guru agama muda hari ini.

Dapatan dan Analisis Kajian Berdasarkan Taburan Skor Min

Skor min keseluruhan yang diperoleh berdasarkan Jadual 8 menunjukkan kebanyakan guru mengamalkan aspek dan sikap diri yang positif dan sesuai sebagai pendidik. Skor min keseluruhan bagi sikap diri guru adalah 4.149, iaitu berada pada aras tinggi dan sesuai.

Terdapat item-item yang mempunyai min yang tinggi seperti item: “mengamalkan hidup sihat tanpa merokok” (min 4.38) dan item “menganggap tugas sebagai ibadah” (min 4.35). Hal ini menggambarkan

bahawa kebanyakan guru agama tidak merokok dan benar-benar menganggap tugas mengajar sebagai satu ibadah.

Sementara itu, item yang berada di antara skor min 4.20-4.30 adalah item-item yang berpernyataan seperti yang berikut; seorang yang mudah didekati, mempunyai sifat penyayang, prihatin menyelesaikan masalah murid, prihatin dengan masa depan pendidikan murid, prihatin dengan kebajikan murid, cekal menghadapi cabaran dalam mendidik dan berperwatakan ceria. Hal ini menggambarkan bahawa guru-guru agama secara umumnya mempunyai perwatakan yang sesuai sebagai seorang pendidik. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan di sebalik perwatakan tersebut yang perlu diperbaiki.

Sementara itu, kajian ini juga mendapati beberapa item yang berskor min agak rendah. Item-item tersebut berkaitan dengan beberapa aspek, iaitu; “menepati waktu”, di mana ia berskor min 3.96, “boleh menjadi contoh teladan” memperoleh skor min 3.97, dan “sedia berkhidmat di luar waktu tugas rasmi” berskor min 3.91.

Walaupun skor min item-item ini masih berada pada tahap interpretasi yang tinggi, ia perlu dipandang serius oleh pihak guru sendiri dan juga pihak berkuasa kerana ia melibatkan guru-guru agama. Item yang agak rendah tersebut memerlukan kesedaran dan tanggungjawab dalam diri guru.

RUMUSAN

Secara umumnya, berdasarkan dapatan yang diperoleh, majoriti daripada responden berpuas hati dengan ciri-ciri guru yang mengajar di SRA-JAIS. Guru-guru memiliki ciri-ciri sikap guru yang positif dan sesuai dengan bidang perguruan.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa guru-guru merupakan individu-individu yang bertanggungjawab, jujur dan mengutamakan kesempurnaan dalam menjalankan tugas. Hal ini amat signifikan dengan tanggapan mereka terhadap nilai tugasan mengajar sebagai suatu ibadah. Guru-guru juga didapati mempunyai sifat penyayang dan mudah didekati oleh murid serta cekal dalam menghadapi cabaran sebagai pendidik. Mereka juga prihatin dengan kebajikan dan masa depan murid, di samping prihatin dengan masalah murid dan berusaha untuk menyelesaikannya.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru secara keseluruhannya menjaga tingkah laku, mengamalkan hidup sihat tanpa merokok, tidak mementingkan diri sendiri, memberi sumbangan dengan ikhlas, membuat keputusan secara bertolak ansur dan mempamerkan perwatakan ceria. Responden juga menyatakan bahawa guru-guru agama di sekolah rendah agama menyedari kekuatan diri, bermuhasabah untuk penambahbaikan dan berusaha menyampaikan maklumat dengan tepat. Dapatan kajian tentang sifat terpuji guru seperti bertanggungjawab, jujur, menjaga tingkah laku ikhlas selari dengan kajian-kajian sebelumnya (Al-Ghazali, 1990; Hasan Langgulung, 2000; Halstead, 1995; Ab. Halim Tamuri, 2007).

Namun demikian, kajian ini juga menunjukkan terdapat beberapa dapatan yang agak negatif terhadap beberapa item yang dikemukakan. Ia berdasarkan nisbah peratusan yang menyatakan tidak setuju terhadap item-item tersebut adalah melebihi 15 peratus atau 68 responden. Dapatan menunjukkan 23.9 peratus daripada responden menyatakan guru-guru tidak menepati waktu (min 2.83, 108 responden). Sementara itu, 23.5 peratus menyatakan guru-guru tidak bersedia untuk berkhidmat di luar waktu tugas rasmi (min 2.82, 106 responden).

Walaupun sebilangan besar responden menyatakan guru-guru memiliki sifat-sifat yang baik seperti dapatan kajian, terdapat juga responden yang menyatakan guru-guru tidak sesuai dijadikan teladan oleh para pelajar (min 2.94, 88 responden). Ia didapati signifikan apabila terdapat 15.6 peratus daripada responden menyatakan bahawa guru-guru agama ini tidak menjaga tutur kata (min 2.87, 71 responden).

Sungguhpun skor negatif keempat-empat item tersebut masih dianggap rendah berbanding dengan skor positif yang ditunjukkan dalam analisis dapatan kajian, ia tetap wajar diberikan perhatian oleh pihak-pihak berkenaan sebagai usaha untuk menambah baik mutu profesionalisme para guru agama di sekolah-sekolah rendah agama. Aspek negatif ini perlu dipandang serius oleh guru Pendidikan Islam. Langkah ini bertepatan dengan kajian lepas berkaitan dengan kesan sikap dan tingkah laku negatif guru terhadap pelajar (Ab. Halim Tamuri, 2000; 2004; Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail, 2002).

CADANGAN

Kajian ini ingin mengemukakan beberapa cadangan bagi tujuan penambahbaikan. Pertama, pihak berwajib perlu berusaha secara berterusan dan bekerjasama dengan institusi berkaitan ke arah menyediakan pelbagai pengisian yang menjurus ke arah pembentukan peningkatan diri dan profesionalisme guru-guru agama di sekolah-sekolah rendah agama.

Kedua, pihak yang bertanggungjawab juga perlu mengadakan program berkala dan terancang untuk melahirkan guru yang boleh dijadikan teladan para murid. Langkah ini boleh dibuat dengan mengadakan kursus-kursus jangka pendek yang memberi penekanan kepada ciri-ciri penampilan diri dan juga komunikasi berkesan.

Selain itu, pihak berwajib juga perlu menyediakan dan melaksanakan satu penilaian kajian keperluan (*needs assessment*) secara menyeluruh bagi menilai secara lebih terperinci berkenaan kehendak dan keperluan guru-guru agama di sekolah-sekolah rendah agama.

Profesionalisme keguruan amat penting dalam memartabatkan pendidikan negara. Ia juga merupakan salah satu tuntutan agama yang perlu diberi perhatian. Hal ini demikian kerana aspek-aspek berkaitan dengan sikap diri memainkan peranan yang penting dalam membentuk guru yang bersifat holistik. Guru yang bersikap positif terhadap tugas mampu menjadikan diri mereka contoh terbaik bagi pelajar. Pelajar akan menjadikan mereka sebagai contoh dan teladan (*role model*). Secara tidak langsung, hal ini boleh memberikan impak yang mendalam kepada diri pelajar dalam usaha meningkatkan kecemerlangan akademik dan rohani mereka.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri 2007. Islamic Education Teachers' Perceptions of the Teaching of Akhlaq in Malaysian Secondary Schools. *Journal of Moral Education*, Vol. 36, No. 3, September 2007, pp. 371–386.
- Ab. Halim Tamuri & Azhar Ahmad. 2004. Enhancing teacher professionalism: The tawheedic paradigm. Dalam Ahmad Sunawari Long *et al.* *The International Seminar on Islamic Thought Proceeding*. Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, 297-303.
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. 2002. Pendidikan akhlak dalam KBSM: Persepsi pelajar terhadap konsep akhlak. Dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1): Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi*. Bangi: Fakulti Pendidikan.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar* (No. Kod 00002/2004). Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Pendidikan (Laporan penyelidikan yang tidak diterbitkan).
- Affrizal Ahmad. 2008. Kepentingan pendidikan dalam pembentukan kualiti hidup sejahtera. Dalam *Malaysian Education Dean's Council Journal*, Vol. 2, December 2008, hlm. 1-8.
- Ahmad Marzuki & Nik A. Hisham. 2010. *Tracer study of the Institute of Education, IIUM postgraduate diploma in education*. (IFRG Research Grant, International Islamic University Malaysia).
- al-Attas, S. M. Naquib. 1979. *Aims and Objectives of Islamic Education*. London: King Abdulaziz University dan Hodder & Stoughton
- _____. 1999. *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Ghazali. 1990. *Ayyuhā al-Walad al-Muhibb*. Bayrut: Mu'assasah Kutub Thaḳāfiyyah.
- Al-Quran al-Karim. *Mushaf Tajwid berserta terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia*. Terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih. Damascus: Darul Fikr.
- Creswell, J. W. 2008. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. (3rded.). New Jersey: Pearson International Edition.
- Gabel, D. & Rubba, P. 1979. Attitude Change of Elementary Teachers According to the Curriculum Studied during Workshop Participation and their Role as Model Science Teachers. *Journal of Research in Science Teaching*, 16, 19-24.

- Halstead, J. M. 1995 Towards a unified view of Islamic education. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 6(1), 25-43.
- Hasan Langgulung. 2000. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Al Husna Zikra.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Mohd. Hamzah. 2009. *Keperibadian guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) sekolah menengah kepada Allah S.W.T.: Satu kajian kes*. Dibentangkan dalam World Conference on Muslim Education 2009, di Blue Wave Hotel, Shah Alam, Malaysia anjuran Kerajaan Negeri Selangor dan Islamic Academy, Cambridge, UK.
- Teuku Iskandar & Baharuddin Zainal (Penyusun). 1996. *Kamus Dewan: Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.